

# PM adakan lawatan rasmi 3 hari ke Jakarta

Pertemuan dengan Joko Widodo buka lembaran baharu dalam hubungan dua hala

**Jakarta:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob tiba di Jakarta semalam untuk memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Indonesia atas undangan Presiden Joko Widodo.

Beliau tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Halim Perdanakusuma di sini kira-kira jam 10.10 pagi, diiringi Menteri

Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Ketibaan Perdana Menteri disambut Menteri Pendidikan, Kebudayaan, Penyelidikan dan Teknologi Indonesia, Nadiem Anwar Makarim dan Menteri Luar Negeri Malaysia, Datuk Saifuddin Abdullah yang tiba lebih awal.

Yang turut hadir, Kuasa Usaha Kedutaan Malaysia di Indonesia, Adlan Mohd Shaffieq dan Pengarah Kementerian Luar Indonesia untuk Protokol, Irvan Bukhari.

Perdana Menteri dan delegasi yang mengenakan batik Malaysia sebagai pakaian rasmi lawatan, akan menginap di sebuah hotel di Jakarta. Ini lawatan sulung Ismail Sabri ke negara jiran itu sejak mengangkat sumpah se-



Ismail Sabri tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Halim Perdanakusuma, Jakarta, semalam atas undangan Joko Widodo. (Foto ihsan Pejabat Perdana Menteri)

bagai Perdana Menteri kesembilan pada 21 Ogos 2021.

Antara atur cara lawatan beliau termasuk mengadakan pertemuan dengan Presiden Joko Widodo dan komuniti perniagaan Indonesia, ketua-ketua pengarang media Indonesia dan diaspora Malaysia.

Perdana menteri juga dijangka menyaksikan pemeteraian beberapa memorandum persefahaman dan perjanjian di antara ke-

dua-dua negara dan melawat kemudahan industri pertahanan di Bandung.

Wisma Putra dalam kenyataan berkata, lawatan rasmi itu bakal membuka lembaran baharu dalam hubungan dua hala yang pelbagai dan sedia kukuh antara Malaysia dengan Indonesia. Ia juga akan memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin meneroka peluang kerjasama dalam usaha pemulihan daripada kesan

pandemik COVID-19.

Kedua-dua pemimpin juga akan membincangkan perkembangan penting di rantau ini dalam konteks kerjasama ASEAN, serta cabaran yang mampu menjejaskan keamanan, pertumbuhan dan kemakmuran serantau.

Lawatan itu dilaksanakan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) COVID-19 yang ditetapkan kedua-dua negara.

BERNAMA

BH  
10/11/2021  
m/s 3 K